

# Penjawat awam puas hati prestasi pentadbiran PM

**Putrajaya:** Setahun pentadbiran Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri, Kerajaan Perpaduan pimpinannya berjaya melaksanakan tanggungjawab penting khususnya dalam menjaga kebajikan penjawat awam.

Perkara itu diakui sendiri Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali mewakili keseluruhan penjawat awam yang berpuas hati dengan prestasi kerajaan pimpinan Anwar.

Jelasnya, tahap kepuasan penjawat awam itu berdasar kajian dilaksana Unit Pemodenan Tad-

biran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) dan Unit Penyelidikan Lonjakan Prestasi (PACU).

“Kita sebenarnya pernah buat kajian oleh MAMPU dan PACU dan kalau boleh saya sebut, sebagai penjawat awam, kerajaan ini berjaya melaksanakan tanggungjawabnya.

“Hasil dapatan juga mendapati secara keseluruhannya mereka (penjawat awam) berpuas hati kerana paling kritikal ialah kebajikan mereka tidak ditinggalkan,” katanya pada sesi temubual bersama media, semalam.

Mohd Zuki berkata, biarpun penjawat awam berpuas hati prestasi pentadbiran Perdana Menteri, perkara paling penting ialah bagaimana untuk penjawat awam menggerakkan apa yang diusahakan oleh kerajaan.

Katanya, penjawat awam perlu bersama melaksanakan segala dasar dan inisiatif dibawa Perdana Menteri menerusi konsep MADANI dengan menterjemahkannya kepada rakyat.

“Sebab itu bukan sahaja kajian dibuat dalam penjawat awam (se-

cara keseluruhan), pada peringkat Kementerian juga ada kajian di buat sama ada kakitangan di pejabat masing-masing berpuas hati dengan apa yang dilaksanakan Kementerian itu sendiri.

“Jadi kita berharap dengan terjemahan sikap keprihatinan kerajaan terhadap penjawat awam, kita balas balik dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik seperti mana digagaskan oleh Perdana Menteri dan kerajaan MADANI ini,” katanya.

Mohd Zuki berkata, sikap Perdana Menteri memberi keperca-

yaan kepada penjawat awam mewujudkan rasa selesa dalam kalangan kakitangan.

Ini selaras dengan penekanan dan penegasan Perdana Menteri mengenai keperluan kerajaan dan perkhidmatan awam memiliki tata kelola pentadbiran yang amanah dan berintegriti.

“Perdana Menteri kata kita (penjawat awam) kena bina semula negara, yang pada satu ketika dahulu berada di tahap baik. Kita pulihkan ekonomi dan kita mampu jana pendapatan lebih tinggi kepada negara,” katanya.